

31 AUG 2000

MAHATHIR BERLEPAS KE CHICAGO UNTUK TERIMA ANUGERAH LARIBA

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berlepas ke Chicago, Amerika Syarikat bagi menerima anugerah pencapaian seumur hidup daripada Los Angeles Reliable Investment Bankers Associations (Lariba).

Anugerah itu ialah sebagai mengiktiraf sumbangan beliau dalam merangka hala tuju baru dalam pembangunan ekonomi, dasar kewangan dan kepelbagaian budaya disamping memupuk persefahaman rakyat pelbagai kaum.

Majlis penyampaian anugerah itu akan berlangsung di Islamic Cultural Center of Greater Chicago di Northbrook.

Dr Mahathir diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beberapa orang menteri Kabinet berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk mengucapkan selamat jalan.

Semasa lawatan kerja selama lima hari itu, Dr Mahathir akan menghadiri mesyuarat tertutup dengan Majlis Perniagaan Amerika-Asean selain menemui pemimpin korporat, tokoh kanan IT dan pelabur.

Perdana Menteri juga akan menemui pelajar dan rakyat Malaysia di Chicago.

Dr Mahathir akan berada di New York pada 5 Sept untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin Kumpulan Negara Membangun (G-77) sebagai susulan daripada rundingan di London baru-baru ini sebelum pulang.

-- BERNAMA

AT ES FAZ